

**PERLEMBAGAAN PERSATUAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN
PERKHIDMATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR 2011
(PSKPPJ 2011)**

FASAL 1

Nama:

- 1.1 Persatuan ini dinamakan Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran Negeri Johor (2011) atau nama ringkasnya PSKPPJ (2011) yang selepas ini disebut Persatuan.

Alamat:

Alamat dan tempat mesyuarat Persatuan ini ialah Unit Sukan Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Wisma Pendidikan, Jalan Tun Abdul Razak, 80604, Johor Bahru, Johor,

atau di tempat lain yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa dari masa ke semasa. Alamat tempat urusan tidak boleh dipinda kecuali dengan mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 2

Warna:

- 2.1 Warna Persatuan ini ialah Merah, Biru dan Putih.

Lambang:

2.2 Lambang Persatuan adalah seperti berikut :-



- (a) Warna Merah, Biru dan Putih sempena warna bendera negeri Johor;
- (c) Roda melambangkan ahli-ahli dari sepuluh daerah dalam negeri Johor yang seti serta bersemangat daya saing dalam sukandan aktiviti kebudayaan;
- (d) Lambang Pelajaran Negeri Johor merupakan Induk Persatuan PSKPP Johor;
- (e) Bulatan-bulatan biru, merah dan putih melambangkan kestabilan serta kekuatan setiap ahli dalam menjayakan persatuan.

FASAL 3

Tujuan-tujuan:

- 3.1 Tujuan-tujuan penubuhan Persatuan ialah :-
- (a) Menyokong kerajaan dalam segala usahanya bagi menggalak dan memajukan kegiatan-kegiatan sukan dan kebudayaan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan;
 - (b) Menyatupadukan semua persatuan sukan dan kebudayaan dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia melalui aktiviti social, sukan dan kebajikan;
 - (c) Menggalak dan memajukan bakat-bakat yang ada pada ahli-ahli dan membantu mereka dalam memperkembangkannya;
 - (d) Menggalakkan ahli-ahli mengambil bahagian dalam bidang sukan dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kebudayaan negara;
 - (e) Bekerjasama atau bergambung dengan mana-mana badan yang diaggap sesuai dan yang tidak berlawanan dengan dasar serta tujuan-tujuan Persatuan;
 - (f) Menyelaraskan kegiatan-kegiatan sukan dan kebudayaan untuk kepentingan ahli-ahli di semua peringkat;
 - (g) Memberi nasihat kepada ahli-ahli mengenai soal sukan dan kebudayaan;
 - (h) Menambah tabung kewangan Persatuan melalui derma untuk tujuan Persatuan dengan syarat mendapatkan

kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan dan pihak berkuasa tertentu terlebih dahulu;

- (i) Memohon, menyewa, membeli, memperolehi, memajak dan memiliki tanah, bangunan dan lain-lain harta untuk tujuan Persatuan dengan syarat mendapatkan kebenaran daripada Pendaftar Pertubuhan dan pihak berkuasa tertentu terlebih dahulu (jika berkenaan sahaja);
- (j) Menjalankan aktiviti perniagaan dan pelaburan dalam saluran yang dijamin oleh Kerajaan:

“Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan ini hasil dari penyertaannya dalam mana-mana perniagaan atau pelaburan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan Persatuan ini dan tidak sebahaginnnya pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakna untuk membayar sebarang faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli Persatuan. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran dibuat dengan tujuan baik, untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada sebarang ahli atau pekerja-pekerja Persatuan,” ;

- (i) Menjalankan segala tugas dan kuasa serta melaksanakan kewajipan yang terletak hak atau diwakili kepadanya di bawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis.

FASAL 4

Keahlian:

4.1 Keahlian terbahagi kepada :-

(a) Ahli Biasa :-

Keahlian terbuka kepada semua kakitangan Jabatan Pendidikan Johor, Guru-Guru, Kerani-Kerani dan Pekerja-Pekerja Sekolah bantuan penuh di bawah pentadbiran Jabatan Pelajaran Johor, Pensyarah-Pensyarah, Kerani-Kerani dan Pekerja-Pekerja Maktab-Maktab Perguruan di seluruh Negeri Johor, Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas tanpa mengira jantina.

(b) Ahli Bersekutu :-

Keahlian terbuka kepada semua tenaga pengajar dan kakitangan di Pusat-Pusat Pendidikan Persendirian di seluruh Negeri Johor, Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas tanpa mengira jantina.

4.2 Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang hendaklah mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya, menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.

4.3 Tiap-tiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar

bayaran masuk dan yuran tahunan pertama seperti yang ditentukan, diterima menjadi ahli Persatuan.

- 4.4 Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Persatuan ini kecuali dia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

FASAL 5

Kewajipan Ahli-Ahli:

- 5.1 Tiap-tiap ahli hendaklah :-
- (a) Patuh kepada Perlembagaan Persatuan dan segala keputusan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa Persatuan;
 - (b) Menjaga dan memelihara nama baik Persatuan dan keselamatan harta-harta Persatuan;
 - (c) Bekerjasama dengan Persatuan dalam semua bidang kegiatan supaya sempurna perjalanan Persatuan dan tercapai segala tujuan;
 - (d) Ahli bersekutu tidak berhak mengundi dan memegang sebarang jawatan Persatuan.

FASAL 6

Berhenti Daripada Menjadi Ahli :

- 6.1 Seseorang ahli yang telah bersara dari jawatannya, ditamatkan perkhidmatannya atau tidak lagi memegang jawatan kakitangan Jabatan Pelajaran Johor, Maktab-Maktab, Guru, Kerani atau Pekerja sekolah bantuan penuh serta Pensyarah, Kerani atau Pekerja Maktab-Maktab Perguruan di Negeri Johor;
- 6.2 Seseorang yang meninggalkan Negeri Johor kerana bertukar atau lain-lain sebab;
- 6.3 Seseorang ahli yang gagal menjelaskan yuran tahunan keahliannya mengikut peraturan Persatuan yang telah ditetapkan.

FASAL 7

Bayaran Masuk, Yuran dan Bayaran Lain:

- 7.1 Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut :-
 - (a) Bayaran Masuk :- RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja)
 - (b) Bayaran Yuran Tahunan :- RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja)
- 7.2 Bayaran Masuk dan Yuran tahunan ahli-ahli dipungut melalui Jabatan Pelajaran, Maktab-Maktab dan Sekolah-Sekolah oleh Pengarah Pelajaran, Pengetua-Pengetua atau Guru Besar tiap-

tiap sekolah, dan disampaikan kepada Bendahari Persatuan melalui Jawatankuasa di setiap Daerah selewat-lewatnya pada akhir bulan Februari tiap-tiap tahun;

- 7.3 Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih daripada jumlah yuran bagi satu (1) tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh Setiausaha atau wakilnya dan akan hilang hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan;
- 7.4 Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih jumlah yuran bagi dua (2) tahun dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Persatuan dan Jawatankuasa boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu;
- 7.5 Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan bayaran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang;
- 7.6 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar yuran tersebut di dalam masa yang ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan.

FASAL 8

Pemberhentian dan Pemecatan :

- 8.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya;
- 8.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi Perlembagaan Persatuan atau bertindak dalam cara yang mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk member penjelasan dan membela dirinya secara bertulis. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu, atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 9

Mesyuarat Agung Tahunan :

- 9.1 Mesyuarat Agung Tahunan akan diadakan setahun sekali dan adalah merupakan kuasa yang tertinggi sekali bagi Persatuan;
- 9.2 Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada Mesyuarat Agung Tahunan ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2)

daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat;

- 9.3 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda Perlembagaan Persatuan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli;
- 9.4 Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb Mac pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:
- (a) menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan Persatuan di dalam tahun lalu;
 - (b) menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun lalu;
 - (c) memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk tahun yang akan datang; dan
 - (d) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

- 9.5 Notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dibuat dengan bersurat kepada semua wakil sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum Mesyuarat itu diadakan, menerangkan tarikh, waktu dan tempat mesyuarat serta agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Persatuan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan berdaftar Persatuan;
- 9.6 Tiap-tiap daerah akan diwakili oleh Pegawai Pelajaran Daerah selaku Jawatankuasa Daerah, dan Penyelia Sukan serta lapan (8) ahli Perwakilan Daerah terdiri daripada wakil berikut;
- i. Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah,
 - ii. Penolong Pegawai Pelajaran Daerah (HEM),
 - iii. Pengerusi Majlis Pengetua Daerah,
 - iv. Pengerusi Majlis Guru Besar Daerah,
 - v. Pengerusi Majlis Guru Besar SJKC Daerah,
 - vi. Pengerusi Majlis Guru Besar SJKT Daerah,
 - vii. Pengerusi KAPTEN daerah dan
 - viii. Bendahari PSKPP Daerah.
- 9.7 Ahli-ahli yang berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan :-
- (a) Semua ahli-ahli jawatankuasa;
 - (b) Wakil yang diberi kuasa yang bertulis dari tiap-tiap ahli;
 - (c) Jika sekiranya bilangan undi sama banyak, Pengerusi hendaklah memberi undi pemutus;

Mesyuarat Agung Khas :

- 9.8 Mesyuarat Agung Khas bagi Persatuan ini boleh diadakan:
- (a) bila difikirkan mustaak oleh Jawatankuasa, atau
 - (b) atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis tidak kurang daripada 1/5 daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.
- 9.9 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- 9.10 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 9.11 Fasal 9.2 dan 9.3 di dalam Perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh tersebut, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 9.12 Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan deraf peringatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

9.13 Fasal 9.6 dan Fasal 9.7 di dalam Perlembagaan ini berkenaan wakil dari setiap daerah dan ahli-ahli yang berhak untuk mengundi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan boleh diguna untuk Mesyuarat Agung Khas.

FASAL 10

Agenda Mesyuarat Agung Tahunan :

- 10.1 Agenda Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengandungi :-
- (a) Ucapan Yang DiPertua;
 - (b) Membentang Dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Yang Lalu;
 - (c) Menerima Dan Meluluskan Laporan Penyata Tahunan Yang Lalu;
 - (d) Menerima Dan Meluluskan Penyata Kewangan Yang Lalu;
 - (e) Memilih Dua (2) Orang Pemeriksa Kira-Kira;
 - (f) Membincangkan Usul-Usul (jika ada);
 - (g) Ucapan Penangguhan.

FASAL 11

Mesyuarat Jawatankuasa :

- 11.1 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat

hendaklah diberi kepada ahli 7 hari terlebih dahulu. Yang DiPertua boleh, di mana dianggap perlu, memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat;

11.2 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli Jawatankuasa dengan surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima :-

- (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
- (b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu; dan
- (c) Keputusan hendaklah dengan undi terbanyak.

Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan dicatat di dalam peringatan mesyuarat.

11.3 Mana-mana ahli yang tidak hadir mesyuarat dua kali berturut-turut dengan tidak memberi sebab-sebab yang munasabah

maka terhentilah ia dengan sendirinya daripada menjadi ahli Jawatankuasa ini;

- 11.4 Jawatankuasa boleh memberi arahan ke Setiausaha dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan-urusan Persatuan dan melantik pengurus-pengurus dan kakitangan-kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan-kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan merosakkan Persatuan.

FASAL 12

Jawatankuasa Kerja Persatuan :

12.1 Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan terdiri daripada :-

- (a) Seorang Yang DiPertua
Disandang oleh : Pengarah Pelajaran Negeri Johor
- (b) Seorang Timbalan Yang DiPertua
Disandang oleh : Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Johor
- (c) Seorang Naib Yang DiPertua
Disandang oleh : Ketua Sektor Pembangunan

Kemanusiaan JPN Johor

- (d) Seorang Setiausaha Agung
Dilantik oleh Yang DiPertua

- (e) Seorang Penolong Setiausaha Agong
Dilantik oleh Yang DiPertua
- (f) Seorang Bendahari
Dilantik oleh Yang DiPertua
- (g) Jawatankuasa Daerah
Disandang oleh : Pegawai Pelajaran Daerah dari setiap daerah

12.2 Tugas-tugas Ahli-Ahli Jawatankuasa Persatuan ialah :-

- (a) Mengurus hal-ehwal pentadbiran Persatuan;
- (b) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurang dua (2) kali setahun;
- (c) Persatuan boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberi kewajipan khas kepada seseorang Ahli Jawatankuasa;
- (d) Bertanggungjawab untuk menyelaras segala kegiatan Persatuan;
- (e) Menentukan peruntukan wang bagi pelbagai program dan aktiviti Persatuan;
- (f) Menjalankan sebarang ikhtiar supaya terlaksana dasar dan tujuan Persatuan;
- (g) Mengisi kekosongan jawatan dalam Jawatankuasa Persatuan

FASAL 13

Kewajipan dan tanggungjawab Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan :

13.1 Yang DiPertua :-

- (a) Menjadi Ketua Pentadbiran Persatuan dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan perjalanan pentadbiran Persatuan;
- (b) Mepengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Persatuan dan Mesyuarat Agung Tahunan;
- (c) Berkuasa memberi undi pemutus apabila hasil undian tidak dapat memutuskan sesuatu masalah kerana sama bilangan undinya;
- (d) Menjalankan segala tanggungjawab seperti yang tersebut di dalam Perlembagaan;
- (e) Menandatangani semua cek Persatuan bersama Bendahari.

13.2 Timbalan Yang DiPertua :-

- (a) Hendaklah memangku jawatan Yang DiPertua dan menjalankan segala urusan dan tanggungjawab di dalam Persatuan semasa ketiadaan Yang DiPertua;
- (b) Membantu Yang DiPertua mentadbir Persatuan dan sama-sama bertanggungjawab di atas keselamatan dan kesempurnaan pentadbiran Persatuan;
- (c) Menandatangani cek-cek semasa ketiadaan Yang DiPertua;

- (d) Menjalankan segala tanggungjawab seperti yang tercatat di dalam Perlembagaan.

13.3 Naib Yang DiPertua :-

Sekiranya Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua tidak hadir ataupun tidak ada, maka Naib Yang DiPertua hendaklah memangku jawatan Yang DiPertua dan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk Persatuan.

13.4 Setiausaha Agung :-

- (a) Menghadiri dan menyelenggarakan semua Mesyuarat Agung Tahun dan Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Kerja;
- (b) Menyimpan catatan-catatan yang berkaitan dengan persidangan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat;
- (c) Mengemukakan penyata tahunan Persatuan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966,
- (d) Menyelenggarakan semua surat menyurat persidangan bagi Persatuan dan bagi pihak Jawatankuasa Kerja.
- (e) Menyediakan laporan mengenai semua hal yang berkaitan dengan Persatuan;
- (f) Menyimpan buku daftar ahli Persatuan yang mengandungi butir-butir seperti nama, umur, no kad

pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan, dan alamat kediaman rumah setiap ahli.

13.5 Penolong Setiausaha Agung :-

Membantu Setiausaha Agung dalam semua perkara dan menjalankan tugas Setiausaha Agung semasa ketiadaan beliau.

13.6 Bendahari :-

- (a) mengendalikan hal-hal kewangan Persatuan dan menyimpan wang di dalam mana-mana bank mengikut keputusan Jawatankuasa Kerja Persatuan
- (b) memungut yuran dan menerima wang yang bersangkutan dengan Persatuan;
- (c) Mengeluarkan resit-resit rasmi Persatuan untuk semua kutipan;
- (d) Membuat pembayaran bagi pihak Persatuan atas tanggungan-tanggungan yang bersangkutan dengan Persatuan;
- (e) Menyediakan kira-kira kewangan dan menunjukkan kepada pemeriksa kira-kira Persatuan pada bila-bila masa dikehendaki;
- (f) Menyediakan penyata Penyata Kewangan dan Neraca Kira-Kita yang telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan;

- (g) Bendahari dan Yang DiPertua atau Timbalan Yang DiPertua atau Naib Yang DiPertua menandatangani semua cek-cek Persatuan;
- (h) Tidak boleh menyimpan ditangannya tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) untuk belanja runcit.

13.7 Jawatankuasa setiap Daerah :-

- (a) Membantu di dalam segala perkara Persatuan bagi melicinkan pentadbiran dan menghadiri semua mesyuarat serta menjalankan tugas yang diarahkan.

FASAL 14

Jawatankuasa Kecil

- 14.1 Jawatankuasa Kecil Persatuan boleh dari masa ke semasa menubuhkan beberapa Jawatankuasa Kecil yang difikirkan dapat menjayakan tujuan-tujuan Persatuan;
- 14.2 Pengerusi Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan itu seboleh-bolehnya hendaklah dilantik daripada salah seorang ahli Jawatankuasa Kerja;
- 14.3 Jika perlu, boleh juga dilantik seorang yang bukan daripada ahli Jawatankuasa Kerja sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil dan dia berhak menghadiri dan memberi fikiran didalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja semasa membahaskan perkara-perkara yang bersangkutan dengan badan yang dipengerusikannya dan boleh mengundi;

FASAL 15

Kewangan :

- 15.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam Perlembagaan ini wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah;
- 15.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
- 15.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Yang DiPertua atau Timbalan Yang DiPertua dan Bendahari. Semasa ketiadaan Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Persatuan;
- 15.4 Perbelanjaan yang lebih daripada RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM150,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Ribu

Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Yang DiPertua atau Timbalan Yang DiPertua bersama Setiausaha dan Bendahari;

- 15.5 Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 16 Perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Persatuan
- 15.6 Tahun kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 16

Pemeriksa Kira-Kira :

- 16.1 Dua orang yang bukannya Jawatankuasa Persatuan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan boleh dilantik semula;
- 16.2 Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga

dikehendaki pada bila-bila masa oleh Yang DiPertua mengaudit kira-kira Persatuan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 17

Harta Tidak Boleh Dialih :

- 17.1 Harta tidak boleh boleh dialih Persatuan ini hendaklah didaftar atas nama Persatuan dan segala suratcara yang berkaitan dengan harta ini adalah sah dan berkuatkuasa seolah-olah suratcara-suratcara itu adalah disempurnakan oleh seorang tuannya berdaftar dengan syarat bahawa suratcara-suratcara itu adalah disempurnakan oleh tiga (3) orang pemegang jawatan Persatuan yang pada masa itu dan perlantikan mereka adalah disahkan oleh perakuan daripada Pendaftar Pertubuhan dan dimeterikan dengan meteri Persatuan.
- 17.2 Harta tidak boleh dialih Persatuan tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung.

FASAL 18

Tafsiran Perlembagaan :

- 18.1 Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini dan

Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan ini;

- 18.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 19

Penasihat/Penaung :

Jawatankuasa boleh, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung bagi Persatuan ini dengan syarat orang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis.

FASAL 20

Larangan :

- 20.1 Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Persatuan: Routette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Paik au, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sann Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib;
- 20.2 Persatuan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan

kesatuan sekerja seperti definasi di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959;

- 20.3 Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan;
- 20.4 'Faedah' seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Persatuan kepada mana-mana ahlinya.

FASAL 21

Pindaan Perlembagaan :

- 21.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung;
- 21.2 Usul-usul perubahan atau pindaan Perlembagaan selain daripada yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja hendaklah dicadang dan disokong oleh tidak kurang daripada 2 orang ahli dengan bersurat kepada Setiausaha Agung;
- 21.3 Bagi mengesahkan satu perubahan atau pindaan Perlembagaan Persatuan ini hendaklah dipersetujui oleh tidak kurang daripada 2/3 daripada wakil-wakil yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan;
- 21.4 Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada perlembagaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari daripada tarikh keputusan Mesyuarat

Agung Tahunan meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 22

Pembubaran :

- 22.1 Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya;
- 22.2 Usul-usul bagi membubarkan Persatuan ini hendaklah disampaikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Khas;
- 22.3 Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebut di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut Perlembagaan hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diwakafkan kepada kepentingan pelajaran rakyat Negeri Johor.
- 22.4 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

.....
Yang DiPertua

Nama: Tn Hj Markom b Giran

.....
Setiausaha

Nama: Abdillah B Hj Sulaiman